

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) Malaysia daripada tahun 2017-2020, dan anggaran jumlah pelepasan GHG bagi tahun 2021; dan
- (b) perancangan untuk mengurangkan jumlah bersih pelepasan GHG bagi tahun 2021-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *National Communication* (NC) perlu dilaporkan setiap empat tahun sekali, manakala *Biennial Update Report* (BUR) setiap dua tahun sekali. Dalam hal ini, laporan BUR ketiga negara telah dikemukakan pada tahun 2020 yang mengandungi maklumat pelaporan pelepasan GHG pada tahun 2016. Maklumat tahun yang dilaporkan adalah mengikut format “x-4”, di mana “x” merupakan tahun di mana laporan negara dikemukakan kepada UNFCCC.

2. Pada tahun 2022, Malaysia perlu mengemukakan laporan NC keempat dan BUR keempat yang mengandungi maklumat tahun 2020. Sehubungan itu, data pelaporan GHG di peringkat kebangsaan bagi tahun 2017 hingga 2020 masih dalam proses penyediaan berdasarkan metodologi piawaian UNFCCC yang ditetapkan manakala anggaran pelepasan GHG bagi tahun 2021 akan dilaporkan di dalam *Biennial Transparency Report* (BTR) yang akan dikemukakan pada tahun 2024.

3. Tindakan mitigasi perubahan iklim bertujuan mengurangkan pelepasan GHG bagi kesemua sektor ekonomi. Tahun 2021 hingga 2025 merupakan tempoh 5 tahun pertama pelaksanaan *Nationally Determined Contribution* (NDC). Memandangkan pengemaskinian NDC telah dilaksanakan pada tahun 2021, tindakan mitigasi perubahan iklim akan dilaksanakan berdasarkan penetapan sasaran pengurangan GHG sektoral. Tindakan-tindakan tersebut meliputi sektor-sektor tenaga (termasuk pembekalan elektrik, pengangkutan, minyak dan gas asli), industri pemprosesan dan guna produk, pertanian, perhutanan dan pertukaran guna tanah serta sisa. Maklumat tindakan mitigasi perubahan iklim tersebut juga akan dimuatkan dalam dokumen dasar Pelan Hala Tuju NDC yang akan disiapkan pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)

SOALAN

TUAN WONG CHEN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah kit ujian sendiri COVID-19 yang akan diperuntukkan ke sekolah di kawasan Subang; dan
- (b) apakah rasional dan formula yang digunakan untuk jumlah peruntukan kit ujian ke setiap sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan serta kesihatan murid bagi memastikan sesi pembelajaran secara bersemuka di sekolah dapat dilaksanakan dalam keadaan teratur dan selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada September 2021, KPM telah membekalkan kit Ujian Kendiri COVID-19 sebanyak 3,841 unit kepada 48 buah sekolah dalam Parlimen Subang bawah PPD Petaling Perdana bagi kegunaan murid bergejala di sekolah dan ujian saringan semasa pendaftaran ke asrama. Sebanyak 1,170 unit tambahan telah dibekalkan kepada Sekolah Agama Menengah Bestari yang merupakan sekolah berasrama sepenuhnya dalam Parlimen Subang bagi tujuan saringan murid asrama pada hari ke-6 dan ke-14 kemasukan ke asrama. Agihan kit ini adalah berdasarkan julat enrolmen murid dan juga bilangan penghuni asrama bagi kegunaan dalam tempoh Oktober hingga Disember 2021.

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan- *National COVID-19 Testing Strategy* (NTS) yang dikeluarkan oleh KKM pada 26 November 2021, KPM telah membekalkan kit tambahan sebanyak 15,575 unit kepada 30 buah sekolah rendah di Parlimen Subang. Kit ini adalah bagi kegunaan saringan ke atas 10% sampel ujian secara mingguan dengan kaedah penggiliran dalam tempoh Disember 2021 hingga Januari 2022.

Kit ujian Kendiri COVID-19 juga disediakan di pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) sebagai stok kecemasan bagi sekolah-sekolah yang memerlukan.

SOALAN NO : 460

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan dan penolakan permohonan MyPR (kad pengenalan pemastautin tetap) dan MyKas (kad pengenalan pemastautin sementara) bagi tahun 2018 hingga 2021 mengikut tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah permohonan MyPR yang diluluskan dan ditolak mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	LULUS	TOLAK
1.	2021	6,987	34
2.	2020	13,015	43
3.	2019	20,125	257
4.	2018	24,330	296

Berdasarkan rekod JPN, jumlah permohonan MyKAS yang diluluskan dan ditolak mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	LULUS	TOLAK
1.	2021	1,923	17
2.	2020	1,017	263
3.	2019	1,568	468
4.	2018	3,321	1,756

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat atau SOP yang jelas bagi memenuhi kelulusan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang dibawa ke Pasukan Petugas Khas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah peruntukan khas untuk mendaftarkan individu berumur di bawah 21 tahun antaranya dalam kategori berikut:-

- i. Anak tidak sah taraf kepada warganegara Malaysia;
- ii. Anak angkat kepada warganegara Malaysia; dan
- iii. Individu di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Syarat-syarat permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia;
- ii. Pemohon dan individu yang hendak didaftarkan perlu hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara; dan
- iii. Pemohon hendaklah terdiri daripada bapa, ibu bapa angkat atau penjaga sah kanak-kanak.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ingin menjelaskan bahawa SOP yang dinyatakan adalah bagi memudahkan permohonan dan syarat-syarat yang dinyatakan juga hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan nama projek-projek di negeri Pulau Pinang berserta amaun peruntukan:-

- a) senarai projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah RMK-11; dan
- b) senarai projek-projek yang belum dilaksanakan bawah RMK-11 dan akan dibawa ke RMK-12 dan senarai projek-projek yang dirancang untuk RMK-12.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sebanyak 257 projek dilaksanakan di Pulau Pinang sepanjang tempoh RMKe-11 dengan kos berjumlah RM16.5 bilion dan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM3.49 bilion. Baki peruntukan di bawa ke RMKe-12 kerana pembayaran dibuat berasaskan kemajuan pelaksanaan projek. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di Pulau Pinang adalah seperti pembinaan Politeknik Balik Pulau, Klinik Kesihatan di Kepala Batas, dan menaik taraf Dewan Bedah Hospital Seberang Jaya dan sebagainya.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan yang diluluskan adalah berserta jumlah kos keseluruhan projek. Jumlah kos ini adalah termasuk kerja-kerja awalan seperti perolehan tanah bagi projek fizikal binaan sehingga projek siap dan boleh berfungsi dengan sempurna. Ini adalah janji dan komitmen Kerajaan bagi menyiapkan projek-projek yang diluluskan untuk manfaat rakyat. Sehubungan itu, prestasi pelaksanaan fizikal akan sentiasa dipantau dan perbelanjaan sebenar akan diambil kira dalam memberi pertimbangan ke atas permohonan peruntukan pada tahun berikutnya. Bagi projek pembangunan yang tidak dapat disiapkan sehingga akhir tempoh RMK semasa, projek akan diteruskan pelaksanaannya pada RMK berikutnya.

3. Dalam tempoh *Rolling Plan* Pertama Tahun 2021 RMKe-12, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 182 projek untuk dilaksanakan di negeri Pulau Pinang dengan kos berjumlah RM90.4 bilion dan peruntukan asal 2021 yang diluluskan adalah sebanyak RM1.0 bilion. Ini adalah termasuk 104 projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-11 dan perlu disambung pelaksanaannya dalam RMKe-12. Contoh projek yang disambung adalah Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang dengan peruntukan 2022 sebanyak RM20 juta dan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang dengan peruntukan 2022 sebanyak RM20 juta.

4. Bagi tahun 2022, peruntukan sebanyak RM995 juta telah dicadangkan untuk melaksanakan 176 projek pembangunan di negeri Pulau Pinang. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan adalah termasuk pembinaan sekolah, pemuliharaan sungai dan pembinaan jambatan. Contoh projek Pembinaan Sekolah Baharu 18 Bilik Darjah Serta Kemudahan Di Sekolah Kebangsaan Bertam, Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir di Negeri Pulau Pinang, Menaik Taraf Jambatan FT001/724/5 Merentasi Sungai Kerian dan Membina Jejambat Merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan Ke Jalan Transkrian FT001/FT283, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

5. Memandangkan tempoh RMKe-12 akan tamat pada tahun 2025, maka bilangan keseluruhan projek serta kos projek untuk RMKe-12 adalah masih belum muktamad. Sekian, terima kasih.